



**“ MUAFAKAT KEDAH ”**

Ruj.Kami : JPK.SKPP.UNP.S.500-3/12/21JLD.2(27)  
Tarikh : 11 September 2017

Semua Pegawai Pendidikan Daerah,  
Semua Pengetua Sekolah Menengah,  
Semua Guru Besar Sekolah Rendah,  
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan/Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN  
KECEMERLANGAN ( TBBK ) BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA  
( PKP ) TAHUN 2015 HINGGA 2017 ( URUSAN CICIR ) MELALUI  
SISTEM EPANGKAT DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPMSP.BPSM.S.500-1/2/4/3 Jld.2(20) bertarikh 6 September 2017 kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Tahun 2015 Hingga Tahun 2017 ( **Calon Cicir** ) melalui sistem ePangkat yang boleh dicapai melalui laman sesawang <https://epangkat.moe.gov.my/login.php>

3. Pegawai yang telah berkhidmat genap **13 tahun** dalam skim perkhidmatan semasa seperti berikut :

Urusan	Lantikan
Tahun 2015	1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2002
Tahun 2016	1 Januari 2003 hingga 31 Disember 2003
Tahun 2017	1 Januari 2004 Hingga 31 Disember 2004

4. Pegawai perlu mengisi Borang Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (**Lampiran B1**) dan selepas dinilai markah perlu diisikan ke dalam sistem ePangkat. Jawatan-jawatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Sukacita diingatkan Pembantu Am Pejabat Gred N1, Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Pekerja Awam Gred R1 yang telah bersetuju menerima pertukaran perantikan berikutan penggabungan Skim Perkhidmatan mulai 1.11.2013 tidak layak diperakukan dalam urusan ini.

6. Pegawai yang telah diperaku dalam sistem ePangkat tetapi belum mendapat keputusan tidak perlu diperaku lagi.

7. Halaman **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)** hendak dimuat naik (**upload**) di dalam sistem ePangkat dengan menggunakan format pdf seperti berikut :-

- 7.1. Halaman 1 - Halaman depan BPK dan tarikh lantik jawatan semasa (sekarang).
- 7.2. Halaman 2 - Tarikh sah dalam perkhidmatan.
- 7.3. Halaman 3 - Halaman yang terakhir yang telah dikemas kini.

8. Bagi melancarkan urusan kenaikan pangkat ini, kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk memperakukan pegawai yang layak mengikut syarat iklan melalui sistem berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut :

<b>Peringkat Jabatan / PPD / Sekolah</b>	<b>Tarikh mula</b>	<b>Tarikh tutup</b>
Ketua Jabatan (Ketua Bahagian/PPD /Pengetua/Guru Besar )	25 September 2017	22 Oktober 2017 (Jam 11.59 malam)

9. Sebagaimana diingatkan terlebih dahulu, tuan/puan diminta mengemaskini maklumat pegawai seterusnya mengesahkan dalam sistem ePangkat perkara seperti Maklumat Peribadi, Maklumat Perkhidmatan AKP, Cuti Tanpa Gaji, Cuti Belajar Tanpa Gaji, Cuti Belajar Bergaji, Tempoh Percubaan Berdenda, Maklumat Tatatertib dan Maklumat Prestasi ( Tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016). Ketua Jabatan dipertanggungjawabkan sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang ketidaktepatan maklumat pegawai.

10. Pegawai seperti berikut yang perlu diperakukan secara manual :

- 10.1. Pegawai yang mengambil Cuti Belajar, sama ada Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG).

- 10.2. Pegawai yang telah diluluskan Cuti Separuh Gaji (CSG) dan/atau Cuti Tanpa Gaji (CTG).
- 10.3. Pegawai yang telah dikenakan pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Berdenda (TPB)
- 10.4. Pegawai yang diperaku tetapi gagal dalam urusan berkenaan kerana LNPT tidak mencapai tahap yang ditetapkan/KC tidak mencapai tahap yang ditetapkan.
- 10.5. Pegawai yang telah bersara/meninggal dunia.

11. Sebarang pertanyaan tentang urusan ini, sila hubungi **Encik Abdul Razak Bin Ahmad** di talian **04-7404150**.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**  
**“ PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG ”**

Saya yang menurut perintah,



**( SAIDI BIN SHAARI )**

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan,  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.

**s.k.**

1. Semua Ketua Sektor,
2. Semua Penyelia ICT,  
Pejabat Pendidikan Daerah,  
- Sila masukkan surat ini dalam portal rasmi Pejabat Pendidikan Daerah masing- masing.

**Lampiran A**

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>
1	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Gred N19
2	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Gred W19
3	Pembantu Makmal	Gred C19
4	Penyelia Asrama	Gred N19
5	Tukang K2	Gred R11
6	Tukang K3	Gred R9
7	Pemandu Kenderaan	Gred R3
8	Pembantu Am Pejabat	Gred N1
9	Pekerja Awam	Gred R1

**Borang Penilaian *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan  
(bagi Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 13 tahun dan lebih)**

**A. MAKLUMAT PEGAWAI**

(i) Nama dan No.KP : \_\_\_\_\_

(ii) Skim Perkhidmatan : \_\_\_\_\_

(iii) Jawatan dan Gred : \_\_\_\_\_

(iv) Kementerian / Jabatan : \_\_\_\_\_

(v) LNPT (3 tahun terkini) :

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3 (terkini)

**B. PENILAIAN PENYELIA**

Saya \_\_\_\_\_ (nama) \_\_\_\_\_ (nama jawatan)  
Gred \_\_\_\_\_ menilai pegawai ini seperti berikut:

	Rendah (1 markah)	Sederhana (2 markah)	Tinggi (3 markah)
a. Mempunyai sikap yang positif, teladan ( <i>role model</i> ) dan berketerampilan yang baik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Menunjukkan komitmen terhadap tugas semasa dan bersedia menerima tanggung jawab tambahan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Mempamerkan kesediaan untuk berkongsi pengetahuan / pengalaman dengan rakan sekerja / pegawai lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>JUMLAH MARKAH</b>		<input type="text"/>	

Kategori	3 – 5 markah (Kurang memuaskan)	6 – 7 markah (Baik)	8 – 9 markah (Cemerlang)
[sila tanda (/) di ruangan yang disediakan berdasarkan jumlah markah yang diberi]	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**C. ULASAN PENYELIA (jika ada)**

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

**D. PENGESAHAN KETUA JABATAN**

Saya mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh penyelia tersebut.

Ulasan (jika ada) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Ketua Jabatan)  
Cop Rasmi

(borang ini hendaklah diklasifikasikan sebagai "**SULIT**" apabila ianya dilengkapkan)